

No.Siri

--	--	--	--

BORANG SOAL SELIDIK

Kajian ini adalah satu kajian ilmiah untuk menyiapkan Disertasi Sarjana dalam bidang Pengajian Usuluddin di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

TAJUK:

Pelaksanaan Multimedia Dalam Khutbah Jumaat: Kajian di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq (SABA), Bangsar Kuala Lumpur.

Segala kerjasama daripada responden yang terlibat di ucapkan ribuan terima kasih dan semoga diberkati oleh Allah S.W.T. Segala maklumat yang terkandung di dalam borang ini amat bernilai dan akan di rahsiakan daripada pengetahuan umum.

BAHAGIAN A : (DEMOGRAFI RESPONDEN)

(Sila tandakan (/) dan isi tempat kosong pada jawapan pilihan anda. Jawab semua soalan)

1. Umur : _____ Tahun

2. Jantina: _____

3. Kelulusan Tertinggi Akademik:

1 PMR/ SRP 2 IV Thanawi 3 SPM 4 Diploma

5 Ijazah 6 Sarjana 7 Doktor Falsafah

8 Lain-Lain Nyatakan : _____

4. Taraf Pekerjaan

1 Pelajar 2 Badan Kerajaan 3 Swasta (NGO)

4 Persendirian 5 Pesara 6 Lain- lain Nyatakan: _____

5. Warganegara

1 Malaysia 2 Asing


6. Adakah anda merupakan ahli qariah tetap di masjid SABA?

1 Tetap 2 Tidak Tetap

BAHAGIAN B: (PELAKS)

(Soalan 1-5) Sila bulatkan pada nombor yang menggambarkan pandangan anda berkenaan kenyataan yang diberikan berdasarkan skala berikut:

Sila nyatakan pandangan saudara berkenaan proses pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia yang dilaksanakan di Masjid SABA:



Bil	Perkara	Skala				
		1	2	3	4	5
1	Berkaitan saiz font (tulisan) dan jenis tulisan yang tertera pada setiap slaid	1	2	3	4	5
2	Kedudukan dan penyusunan gambarajah pada setiap slaid	1	2	3	4	5
3	Saiz layar putih (skrin) yang memaparkan slaid khutbah	1	2	3	4	5
4	Tahap pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia di Masjid SABA sehingga kini	1	2	3	4	5
5.	Kedudukan layar putih (skrin) multimedia <i>*Jika tidak memuaskan sila jawab soalan 5 (a),</i>	1	2	3	4	5

Arahan soalan 5 (a) . Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda. Jawapan boleh melebihi satu pilihan.

5 (a). Anda merasa tidak puas hati pada kedudukan layar putih (skrin) di masjid SABA kerana:

- 1 Saiz skrin yang kecil
- 2 Kedudukan skrin yang tidak strategik
- 3 Tulisan slaid pada skrin tidak jelas
- 4 Lain-lain. Sila nyatakan: _____

6. Apakah bentuk tulisan yang diminati oleh anda dalam tayangan slaid khutbah?

1 Tulisan Rumi

2 Tulisan Jawi

BAHAGIAN C (FAEDAH PENGGUNAAN MULTIMEDIA)

1. Pada pandangan anda, adakah timbul kekeliruan dalam mendengar penyampaian khutbah dan pada masa yang sama melihat persembahan slaid multimedia?

1 Keliru

2 Tidak Keliru

2. Anda lebih berminat melalui penyampaian khutbah secara multimedia kerana:

1 Persembahan slaid multimedia yang menarik

2 Boleh mengelak dari rasa bosan

3 Boleh mengelak dari rasa mengantuk

4 Boleh memahami dan membaca intipati khutbah dengan lebih jelas

** Jika tidak berminat dengan penyampaian khutbah secara multimedia, sila jawab soalan 1 (b).*

1(b) Anda tidak berminat kerana:

1 Persembahan slaid multimedia yang kurang menarik

2 Sudah selesai dengan penyampaian khutbah sebelum pelaksanaan multimedia

3 Timbul kekeliruan dalam memahami isi kandungan khutbah

4 Lain

3. Adakah penyampaian khutbah Jumaat boleh dijadikan sebagai medium dakwah yang berkesan?

1 Ya

2 Tidak

BAHAGIAN D: KOMEN DAN CADANGAN

1. Sila nyatakan komen dan cadangan anda untuk memperbaiki mutu khutbah multimedia yang disampaikan.

- SOALAN TAMAT-

SOALAN TEMUBUAL BERSAMA PEGAWAI JAWI

1. Terangkan secara ringkas sejarah kemunculan khutbah Jumaat multimedia di JAWI?
2. Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada pihak JAWI untuk melaksanakan khutbah multimedia?
3. Apakah permasalahan dan halangan yang dihadapi oleh pihak JAWI ketika bermulanya proses pengendalian khutbah Jumaat multimedia?
4. Bagaimanakah pihak JAWI mengambil langkah untuk mengatasi setiap halangan yang berlaku dalam melaksanakan khutbah multimedia?
5. Bagaimanakah pihak JAWI memperolehi sumber dana dalam menyediakan peralatan-peralatan multimedia kepada setiap masjid di bawah seliaan JAWI?
6. Terangkan bagaimanakah bermulanya proses penyediaan intisari khutbah Jumaat multimedia dan siapakah yang terlibat dalam setiap pemprosesan intisari tersebut?
7. Sepanjang tempoh pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia, bagaimanakah maklum balas yang diterima oleh pihak JAWI daripada para jemaah ?

SOALAN TEMUBUAL BERSAMA PARA IMAM

1. Bagaimanakah penyampaian teks khutbah di masjid tuan? Adakah bahasa penyampaian khutbah Jumaat disampaikan selain daripada bahasa Melayu?
2. Setakat ini, apakah permasalahan dan halangan yang dihadapi oleh pihak masjid ketika bermulanya proses pengendalian khutbah Jumaat multimedia?
3. Bagaimanakah pihak Ahli Jawatankuasa masjid mengambil langkah untuk mengatasi setiap halangan yang berlaku ketika melaksanakan khutbah multimedia?
4. Sepanjang khutbah Jumaat multimedia dilaksanakan, adakah pihak tuan telah mendapat maklum balas dari para jemaah mengenai pelaksanaan tersebut?
5. Pada pendapat tuan imam, adakah pelaksanaan khutbah Jumaat secara multimedia ini banyak membantu para jemaah dalam memahami dan menghayati isi kandungan teks khutbah?
6. Pada pandangan tuan, apakah cadangan dan saranan dari pihak tuan untuk pihak JAWI dalam mempertingkatkan lagi mutu pencapaian khutbah Jumaat multimedia?

SOALAN TEMURAMAH BERSAMA PARA JEMAAH

1. Apakah pandangan tuan terhadap pelaksanaan penyampaian khutbah Jumaat multimedia pada masa kini?
2. Adakah pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia dapat menarik minat anda berbanding dengan kaedah penyampaian khutbah melalui pembacaan teks sahaja?
3. Adakah gaya persembahan multimedia yang ditampilkan dalam setiap slaid khutbah Jumaat dapat menarik minat dan membantu anda dalam memahami penyampaian khutbah?
4. Adakah anda berpuas hati dengan kedudukan layar putih yang memaparkan slaid multimedia? Jika tidak, sila beri cadangan anda.
5. Apakah komen dan cadangan dari tuan untuk penambahbaikan khutbah Jumaat multimedia?



Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Khutbah Multimedia

permata kasih

7 Oktober 2011 / 9 Zulkaedah 1432

1

Syahadah :

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الَّذِي أَكْرَمَنَا بِعَمَلِ
الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ وَكَثَّرَتْ قُدْرَتُهُ وَكَثَّرَتْ حِكْمَتُهُ وَعُظِّمَتْ
بِعِزَّتِهِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang layak disembah
melainkan Allah yang Maha Esa, Tuhan yang telah memuliakan
kita dengan nikmat Iman dan Islam, Maha Besar kekuasaannya,
Maha Tinggi kebijaksanaanNya dan telah sempurna nikmatNya
dan aku juga bersaksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah
hambanya dan rasulNya.

4

Marilah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah

Melakukan segala amal baik dan perintah yang telah ditetapkan

Meninggalkan segala laranganNya

Semoga dengan ketakwaan terhadap setiap kerja yang telah kita laksanakan akan dinilai

Serta mendapat ganjaran yang setimpal di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat

7

Marilah kita susuri kehidupan Rasulullah dalam mendidik anak-anak :

Sifat-sifat mahmudah baginda seperti

Penyayang kepada yang muda

Menghormati kepada yang lebih tua

Berani dan jujur sangat menyerlah

Wajar dijadikan contoh dalam kehidupan seharian kita

24

ARKIB : 26/01/2007

Masjid di Wilayah Persekutuan perkenal khutbah multimedia

PERANAN masjid sebagai satu tempat ibadah yang utama memang disedari oleh umat Islam. Selain sebagai tempat ibadat, masjid juga boleh digunakan sebagai tempat menimba ilmu dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Di zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang serba canggih ini, umat Islam juga tidak ketinggalan menikmati kecanggihan teknologi moden sekali gus institusi masjid juga tidak terlepas dengan arus pemodenan itu.

Dari semasa ke semasa, masjid memerlukan pengurusan dan pentadbiran yang berkemahiran tinggi agar tidak ketinggalan dalam arus kecanggihan masa kini.

Sempena Maal Hijrah 1428, pengurusan masjid di Wilayah Persekutuan melangkah setapak lagi, apabila Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperkenalkan pembacaan khutbah Jumaat dengan bantuan multimedia. Intisari kandungan khutbah juga turut dipaparkan di skrin semasa khatib menyampaikannya.

Pada 15 Januari 2007, bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur, berlangsung kursus Pengendalian Khutbah Multimedia khas kepada imam-imam dan pentadbir masjid. Penyerahan komputer riba sumbangan MAIWP kepada 42 masjid di Wilayah Persekutuan turut diadakan.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kariah Jawi, Zakaria Isa, mewakili Pengarah Jawi. Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan MAIWP, Zarina Hamzah.

Seramai 130 peserta yang terdiri daripada pengerusi-pengerusi masjid, imam-imam dan wakil-wakil masjid di Wilayah Persekutuan hadir pada majlis itu.

Menurut Zakaria, dengan kecanggihan yang sedia ada jemaah akan menyaksikan intisari khutbah yang dipancarkan pada layar.

Jemaah bukan sahaja dapat mendengar khutbah malah dapat melihat kandungan khutbah yang dipaparkan. Dengan itu, para jemaah lebih mudah memahami dan lebih selesa menghayati khutbah yang disampaikan.

Tambah beliau, MAIWP memperuntukkan RM700,000 bagi menjayakan projek ini dengan menyumbangkan 44 komputer riba dan 44 cakera padat laser (LCD) serta membiayai latihan-latihan penggunaannya.

Khutbah multimedia mula digunakan pada 19 Januari 2007 di sebahagian masjid di Wilayah Persekutuan.

ARKIB : 09/10/2009

Perluaskan khutbah multimedia

GOLONGAN lelaki Muslim seharusnya berasa bersyukur kerana kita akan diberi peluang mendengar khutbah sekali seminggu sebagai peringatan untuk memuhasabah diri.

Ini bermakna dalam setahun, kita akan mendengar hampir 55 kali khutbah termasuk khutbah Aidilfitri dan Aidiladha. Kesempatan ini, sepatutnya kita gunakan untuk menilai dan memperbaiki kelemahan diri kita dan sekali gus memimpin keluarga ke arah masyarakat yang lebih sihat dan membangun.

Apa yang saya ingin kongsi ialah pendekatan Khutbah Multimedia yang diperkenalkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Saya melihat ini adalah satu kaedah yang efektif dan berkesan untuk menjadikan sesuatu khutbah itu mudah difahami oleh jemaah.

Susun atur dan penekanan terhadap isi-isi penting yang ditayangkan di layar putih menjadikan jemaah tahu apa kandungan atau objektif yang ingin disampaikan oleh khatib.

Berdasarkan pemerhatian ringkas saya, jemaah begitu khusyuk melihat dan mendengar khutbah yang disampaikan.

Saya mencadangkan agar Khutbah Multimedia ini diperluaskan ke seluruh negara.

Saya tidak berapa pasti adakah 'Arahan Melaksanakan Khutbah Multimedia' ini hanya tertakluk di bawah pengurusan JAWI sahaja. Jika ia, maka adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Islam di negeri masing-masing pula untuk mempraktikkan kaedah seperti ini.

Selain itu, impak khutbah multimedia tampak jelas berkesan di masjid yang ruangnya besar dan luas.

Pemasangan layar putih di ruang lain yang agak berjauhan dari mimbar membolehkan jemaah memberi tumpuan kepada khutbah yang ingin disampaikan.

Saya juga melihat pendekatan ini adalah mesra OKU (Orang Kurang Upaya). Bagi mereka yang tidak berupaya untuk mendengar, melihat adalah satu pilihan lain ketika khutbah disampaikan.

Ini adalah wacana dan kaedah baru yang boleh dipraktikkan pihak berwajib untuk memberi kesedaran terhadap masyarakat khususnya kepada yang beragama Islam.

Malah jika dilihat dengan teliti, kandungan khutbah yang disampaikan adalah isu semasa negara kita yang dilihat dari sudut perspektif Islam.

Saya percaya, semua ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memberi panduan berguna kepada kita supaya tidak terpesong jauh daripada landasan kebenaran berpaksikan Islam.

Saya berharap, sejajar dengan pembangunan yang kita kecapai, rumah-rumah Allah ini juga seharusnya dilengkapi alat-alat multimedia seperti projektor, komputer riba mahupun layar putih.

Jangan berpendapat ini adalah satu pembaziran. Perbelanjaan seperti ini seharusnya diutamakan bagi membolehkan jemaah berasa selesa beribadah. Selain daripada itu, sudah sampai masanya kita mengkaji keberkesanan khutbah terhadap masyarakat.

Ramai jemaah yang mengambil sikap acuh tidak acuh tentang isi kandungan khutbah yang disampaikan.

Walhal kandungan khutbah itu sendiri kadangkala sudah cukup untuk kita kembali menilai diri kita sekali gus memperbaiki tingkah laku kita.

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1009&pub=utusan_malaysia&sec=Forum&pg=fo_01.htm&arc=hive

Cahaya Hidayah

Hati, Ujian dan Kepatuhan

Khutbah Jumaat manfaat multimedia

<http://my Masjid.wordpress.com>



KHUSYUK: Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Ahmad Phesal Talib menyampaikan khutbah Jumaat dengan dibantu peralatan multimedia di Surau Al-Mizan Presint 8, baru-baru ini.

PUTRAJAYA: Seiring kemajuan teknologi, beberapa surau di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan menyediakan persembahan khutbah Jumaat multimedia di layar besar ketika khatib membaca khutbah di mimbar setiap kali solat.

Antara surau yang memanfaatkan pendekatan multimedia yang disediakan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) ialah Surau Al-Mizan di Presint 8 yang sudah menggunakannya sejak April lalu.

Khutbah Jumaat multimedia itu yang dipersembahkan dengan perisian Microsoft PowerPoint itu memaparkan inti pati khutbah serta petikan dan terjemahan ayat al-Quran dalam visual menarik yang membantu jemaah menghayati apa yang disampaikan khatib.

Pengerusi Surau Al-Mizan, Abdul Samad Lebai Hitam, berkata penggunaan khutbah Jumaat multimedia menjadikan penyampaian khatib lebih menarik dan meningkatkan penghayatan jemaah selain mengelakkan jemaah mengantuk.

Selain menggunakan khutbah Jumaat multimedia, Surau Al-Mizan menjemput khatib daripada pegawai kanan kementerian serta agensi kerajaan, termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi memantapkan penyampaian khutbah.

Setiausaha Surau Al-Mizan, Lokman Mohd Hashim, berkata selain kandungan khutbah Jumaat multimedia, Jawi menyediakan kemudahan berkaitan seperti komputer riba, perisian Microsoft PowerPoint, projektor dan layar putih.

“Segala tajuk yang dibaca khatib sudah disediakan dalam komputer bimbit dan dihubungkan terus ke projektor secara tanpa wayar yang kemudiannya dipancarkan ke skrin putih,” katanya.

Jemaah, Sharhan Shokery, berkata penggunaan khutbah Jumaat multimedia amat baik kerana membantu memantapkan penyampaian ajaran agama kepada masyarakat.

Penjawat awam, Mohd Zulhairi Abu Samah, 35, berkata khutbah Jumaat multimedia itu memberi input berguna kepada jemaah untuk memahami isi kandungannya.

“Jika sebelum ini jemaah hanya mendengar bacaan khatib, kini mereka sendiri boleh membaca petikan dan maksud ayat al-Quran yang terkandung dalam khutbah,” katanya.

<http://aferiza.wordpress.com/2009/11/13/khutbah-jumaat-manfaat-multimedia/>

ARTIKEL PILIHAN (9/10/2009)

Khutbah multimedia lebih berkesan, mudah difahami jemaah

Oleh Ezzuddin Ab Razad

LELAKI Muslim seharusnya rasa bersyukur kerana diberi peluang mendengar khutbah sekali seminggu sebagai peringatan untuk muhasabah diri. Ini bermakna dalam setahun kita akan mendengar hampir 55 khutbah termasuk khutbah Aidilfitri dan Aidiladha. Kesempatan ini sepatutnya kita gunakan untuk menilai dan memperbaiki kelemahan diri kita, sekali gus memimpin keluarga ke arah masyarakat yang lebih sihat dan membangun.

Apa yang saya ingin kongsi ialah pendekatan khutbah multimedia diperkenalkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi). Saya melihat ini adalah satu kaedah yang efektif dan berkesan untuk menjadikan sesuatu khutbah itu mudah difahami jemaah.

Susun atur dan penekanan terhadap isi penting yang ditayangkan di layar putih menjadikan jemaah tahu apa kandungan atau objektif yang ingin disampaikan khatib. Berdasarkan pemerhatian ringkas saya, jemaah begitu khusyuk melihat dan mendengar khutbah yang disampaikan.

Saya cadangan agar khutbah multimedia ini diperluaskan ke seluruh negara. Saya tidak berapa pasti adakah khutbah multimedia ini hanya tertakluk di bawah pengurusan Jawi. Jika ya, maka adalah menjadi **(SARANAN) tanggungjawab jabatan Islam di negeri masing-masing pula**

untuk mempraktikkan kaedah seperti ini.

Selain itu, impak khutbah multimedia tampak jelas berkesan di masjid yang ruangnya besar dan luas. Pemasangan layar putih di ruang lain yang agak berjauhan daripada mimbar membolehkan jemaah memberi tumpuan kepada khutbah yang ingin disampaikan. Saya juga melihat pendekatan ini adalah mesra orang kurang upaya. Bagi mereka yang tidak berupaya untuk mendengar, melihat adalah satu pilihan lain ketika khutbah disampaikan.

Ini adalah wacana dan kaedah baru yang boleh dipraktikkan pihak berwajib untuk memberi kesedaran terhadap masyarakat khususnya kepada yang beragama Islam. Malah, jika dilihat dengan teliti, kandungan khutbah yang disampaikan adalah isu semasa negara kita yang dilihat dari sudut perspektif Islam. Saya percaya, semua ini untuk memberi panduan berguna kepada kita supaya tidak terpesong jauh daripada landasan kebenaran berpaksikan Islam.

Saya berharap, sejajar dengan pembangunan yang kita kecapai, rumah Allah ini juga seharusnya dilengkapi alat multimedia seperti projektor, komputer riba mahupun layar putih. Jangan berpendapat ini adalah satu pembaziran. Perbelanjaan seperti ini seharusnya diutamakan bagi membolehkan jemaah berasa selesa beribadah.

Sudah sampai masanya kita mengkaji keberkesanan khutbah terhadap masyarakat. Ramai yang mengambil sikap acuh tak acuh mengenai isi kandungan khutbah, walhal kandungan khutbah itu sendiri sudah cukup untuk kita kembali menilai diri, sekali gus memperbaiki tingkah laku kita.

ARKIB : 08/02/2006

Perluaskan khutbah multimedia

Oleh ABDUL SAMAD ABDUL HAKIM

Langkah Masjid Ladang, Kuala Terengganu menggunakan teknologi canggih semasa penyampaian khutbah adalah satu usaha proaktif ke arah menarik umat, terutamanya golongan remaja untuk mendekati masjid. Kita perlu aktif dan berkecenderungan tinggi mengaplikasikan semua kemudahan dan teknologi untuk menggamit umat kembali menggunakan masjid untuk semua urusan dalam kehidupan harian.

Teknik penyampaian khutbah Jumaat yang diperkenalkan di Terengganu adalah lambang serta bukti penghayatan erti hijrah itu sendiri.

Dalam arus dunia yang semakin pantas dengan ledakan maklumat dan teknologi yang dianggap luar batasan manusia, kita perlu pantas menyambar segala kemudahan yang diperkenalkan demi perubahan minda.

Selagi ia tidak bertentangan dengan ajaran agama, kenapa kemajuan teknologi tidak digunakan secara maksimum dalam setiap aspek kehidupan.

Jemaah Masjid Al Muktafi Billah Shah atau lebih dikenali sebagai Masjid Ladang di Terengganu pastinya meninggalkan masjid pada hari Jumaat lepas dengan penuh rasa kepuasan dan kesyukuran kerana mereka telah mengalami satu pengalaman baru yang tidak disangkakan. Pasti rasa mengantuk langsung tidak menjengah mereka apabila melihat khatib Mohd. Faiz Abdul Kadir menggunakan teknik multimedia semasa menyampaikan isi khutbahnya.

Lantas jemaah hari itu menyedari kemajuan teknologi dan multimedia bukan saja untuk acara luar masjid tetapi ia tidak kira di mana saja asalkan mesej dan ilmu dapat disampaikan.

Adalah diakui bahawa majoriti jemaah yang menunaikan solat fardu Jumaat akan mengambil kesempatan untuk melelapkan mata ketika khatib membaca khutbah. Suasana yang dingin dan nyaman di dalam masjid menjadikan medan terbaik untuk jemaah terlelap.

Jemaah yang menunaikan solat Jumaat sebenarnya dihadang oleh situasi dan iklim yang serupa sejak sekian lama. Jemaah yang hanya ke masjid pada tengah hari Jumaat dengan niat untuk menunaikan solat Jumaat, pasti mengundang kegelisahan bila khatib membaca khutbah agak panjang. Keadaannya lebih terasa bagi mereka yang bekerja pada hari Jumaat.

Selama ini kita hanya menggunakan deria telinga semata-mata untuk memahami dan menghayati isi khutbah yang disampaikan. Kita tidak disokong dengan bahan-bahan dalam bentuk lain yang mampu menjana tingkat kefahaman terhadap isi khutbah. Sedangkan dalam bidang lain kita disogok dengan pelbagai alat pandang dengar yang canggih terutamanya bidang hiburan.

Sepatutnya dalam mencanang ilmu dan mengajak manusia ke arah kehidupan yang lurus berasaskan tuntutan agama yang tepat, kita perlu menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan. Salah satu punca majlis-majlis agama kurang mendapat sambutan ialah cara penyampaiannya yang masih tergolong dalam kategori usang.

Khutbah Jumaat adalah medan dan kesempatan yang paling baik untuk kita menyampaikan segala berita, isu, perkembangan, permasalahan, ilmu dan didikan mengenai dunia Islam. Bukan setakat mengulang baca isi khutbah yang sudah lima atau enam tahun tersimpan di rumah imam. Para jemaah perlu didedahkan tentang teknologi dan pencapaian umat Islam di seluruh dunia, bukan hanya tertumpu kepada soal hukum-hakam agama sahaja.

Penggunaan kaedah multimedia dirasakan amat tepat dan perlu diperluaskan kepada semua masjid di negara ini. Kalau hendak dihitung kita sudah dianggap terlupa hendak memartabatkan institusi masjid dengan teknologi terkini.

Kita memberi peluang bidang lain untuk menggunakan teknologi dengan lebih menyeluruh, sedangkan institusi masjid amat tepat untuk merungkaikan permasalahan yang melingkari dunia Islam hari ini.

ARKIB : 04/02/2006

Terengganu rintis khutbah Jumaat multimedia

Oleh: IRMAN HASHIM

KUALA TERENGGANU 3 Feb. - Kerajaan Terengganu merintis pendekatan baru bagi menarik umat Islam mendengar khutbah Jumaat melalui penggunaan multimedia semasa khatib membaca khutbah.

Khutbah Jumaat yang disokong oleh multimedia itu buat pertama kali diperkenalkan di Masjid Al Muktafi Billah Shah atau dikenali sebagai Masjid Ladang di sini hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pemba-ngunan Islam Hadhari Negeri, Wan Mohd. Wan Hassan



KHATIB Mohd. Faiz Abdul Kadir menyampaikan khutbah yang teksnya turut dipaparkan di skrin besar Masjid Al Muktafi Billah Shah, Kuala Terengganu semalam. - Gambar MAHATHIR ALI.

berkata, jika terbukti berkesan ia akan diperluaskan ke masjid lain.

Menurutnya, kerajaan negeri menyasarkan 45 buah masjid lagi akan menggunakan khutbah multimedia menjelang akhir tahun ini.

“Khutbah multimedia disokong oleh peralatan seperti komputer dan tayangan slaid mengandungi maklumat yang disampaikan dalam teks khutbah.

“Sistem ini tidak membabitkan kos banyak tetapi kesannya begitu besar bagi menarik tumpuan jemaah menghayati khutbah,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Di bawah pendekatan baru itu, dua skrin besar diletakkan di sebelah kiri dan kanan khatib dan maklumat penting yang disampaikan oleh khatib akan dipaparkan pada skrin tersebut.

Imam Besar Terengganu, Fadzli Mohd. Yusof yang menyelaraskan penyampaian multimedia itu berkata, pendekatan tersebut akan lebih memartabatkan institusi khutbah itu sendiri sebagai lebih efisien dan terkini.

“Maklumat-maklumat yang digunakan dalam pemaparan multimedia itu telah disemak oleh Jawatankuasa Penyemakan dan Penulisan Kualiti Khutbah Terengganu,” katanya.

Sementara itu, para jemaah Masjid Ladang ketika ditemui memuji usaha kerajaan negeri dalam memberi nafas baru kepada cara penyampaian khutbah supaya lebih efektif.

Bekas Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu, Datuk Muhamed Che Hamid berkata, sistem khutbah multimedia itu terbukti berjaya mengelak sesetengah jemaah daripada leka dan tertidur.

“Memang bagus sekali kerana dulu jemaah hanya menggunakan deria telinga untuk mendengar tetapi khutbah multimedia membuatkan jemaah turut menggunakan deria mata.

“Pendekatan ini dapat mengajak jemaah untuk lebih menghayati apa yang disampaikan oleh khatib dan ini sebenarnya mengelak mereka daripada berasa bosan atau tertidur,” katanya.

Mansor Atan, 39, pula berkata, penggunaan multimedia itu membolehkan perkara-perkara yang diucapkan oleh khatib disampaikan dengan lebih jelas dan efektif.

“Di samping memaparkan ayat-ayat al-Quran yang dibaca oleh khatib, ia juga memberikan maksud kepada ayat-ayat dan doa-doa yang disampaikan,” katanya.

Seorang lagi jemaah, Abdul Manan Mohd. Yusof, 75, berkata, ia merupakan pendekatan baru yang amat memberi faedah kepada jemaah dan tidak membosankan.

``Saya boleh bersama-sama mengikut membaca dan menghayati ayat-ayat al-Quran dan doa yang dibacakan oleh khatib," katanya.

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0204&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm&arc=hive

ARKIB : 18/05/2008

Jerteh perluas khutbah multimedia

Oleh KAMARUDIN HAMZAH

BESUT 17 Mei - Mulai minggu ini, semua masjid di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jerteh dilengkapi dengan peralatan bagi membolehkan khutbah multimedia diadakan pada setiap hari Jumaat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jerteh, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sebelum ini hanya tujuh buah daripada tujuh belas masjid di DUN itu telah dibekalkan dengan peralatan tersebut.

Katanya, sepuluh buah masjid lagi dibekalkan dengan peralatan khutbah multimedia itu seperti komputer riba, projektor LCD dan skrin tayangan yang bernilai RM5,000.

"Dengan adanya peralatan tersebut, penyampaian khutbah Jumaat di masjid-masjid di DUN Jerteh akan memasuki era baru selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat komputer (ICT)," katanya.

Beliau berucap pada majlis kesyukuran kemenangan Barisan Nasional (BN) Pilihan Raya Umum Ke-12 di Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TBK) Kemas Kampung Pulau Panjang dekat sini malam tadi.

Pada majlis itu, beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Besut turut menyampaikan peralatan khutbah multimedia kepada sepuluh orang pengerusi masjid.

Idris berkata, usaha melengkapkan peralatan multimedia itu bertujuan menjadikan penyampaian khutbah lebih mudah difahami dan dihayati berbanding sebelum ini.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, ahli UMNO tidak perlu merasa sedih dengan keputusan pilihan raya umum lalu kerana Barisan Nasional (BN) Terengganu berjaya memperolehi majoriti dua pertiga.

Malah katanya, ketika negeri-negeri lain jatuh ke tangan parti pembangkang, namun beberapa kawasan DUN di negeri ini berjaya memperolehi majoriti yang lebih baik berbanding Pilihan Raya Umum ke -11 pada tahun 2004.

"Janganlah merasa sedih kerana BN menang lebih baik dan cemerlang, terima kasih kepada parti Pas kerana sibuk mengadakan kenduri kesyukuran yang sebenarnya bertujuan meraikan kemenangan BN," ujarnya.

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0518&pub=utusan_malaysia&sec=Timur&pg=wt_01.htm&arc=hive

Manfaatkan penggunaan ICT untuk berdakwah: Musa Aman

2011/11/19

KOTA KINABALU: Dakwah boleh disampaikan dengan lebih efektif jika pendakwah dan pertubuhan Islam memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata teknologi serba canggih itu menyediakan banyak ruang untuk berdakwah secara bersepadu serta pemerolehan ilmu dan maklumat secara pantas.

"Kita perlu meneroka pelbagai disiplin ilmu seperti sains dan teknologi agar usaha dakwah yang dilakukan dapat dimantapkan dan menjadikan kita lebih proaktif dan inovatif.

"Kepelbagaian ilmu seperti ini akan mengupayakan kita untuk memberi kefahaman dalam menjayakan misi kita kepada golongan sasaran dengan lebih berkesan dan berkualiti," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), di sini, hari ini.

Musa berkata, pertubuhan Islam seperti USIA perlu melaksanakan transformasi sesuai dengan tuntutan semasa menerusi pendekatan yang realistik dan komprehensif.

Pada majlis itu, Musa turut melancarkan laman web sosial Islam Usia iaitu www.Usia.my. - BERNAMA

ARKIB : 14/03/2006

Dakwah Jakim lebih efektif pada era digital

Oleh: ZUNAIDAH ZAINON

Maklumat berbentuk digital lebih efektif berbanding bahan bacaan bercetak. Kelebihan dunia tanpa sempadan membenarkan aliran maklumat berlaku dengan pantas. Komputer menjadi perkakasan maklumat dan internet pula adalah medium yang menyalurkan informasi kepada pengguna.

Dunia Islam harus mengambil kesempatan daripada kemudahan ruang maya yang dilihat mampu membina jaringan dakwah yang kuat. Pelayar internet pula tidak mengira bangsa dan agama kerana internet boleh diakses dari seluruh dunia.

Dengan visi Islamic Portal, Islamic Model for the World, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menyahut seruan kerajaan untuk membina masyarakat berilmu dengan membangunkan laman web portal sebagai platform dakwah dalam era Islam hadhari pada hari ini.

Pengarah Bahagian Perkhidmatan ICT Jakim, Kamarudin Dolmoin berkata, laman web portal Jakim yang dilancarkan pada 18 Disember 1996 telah mengalami banyak perubahan terutama dari segi persembahan multimedia, perkhidmatan dan isi kandungannya.

Konsep portal yang digunakan juga memberi kelebihan kerana ia lebih menarik dan bersifat interaktif.

“Kini, berdakwah dengan medium digital lebih mudah dan pantas kerana pengguna boleh mengakses internet tanpa mengira had masa dan tempat. Ciri-ciri interaktif yang menawarkan aplikasi video, gambar, suara dan bunyi lebih menepati kehendak pengguna,” katanya dalam temu bual dengan Utusan Malaysia baru-baru ini.

Menurut Kamarudin, suatu waktu dulu media elektronik seperti televisyen dan radio dilihat sebagai kaedah utama untuk menyebarkan maklumat kepada pengguna tetapi dengan peralihan fasa media kepada konsep yang lebih luas, internet boleh membantu meningkatkan siaran maklumat dengan lebih pantas. Selain itu laman web juga mempunyai kelebihan iaitu ia boleh diulang tengok beberapa kali pada bila-bila masa.

Web portal Jakim menyediakan kemudahan seperti rujukan tafsir al-Quran daripada pimpinan ar-Rahman, himpunan hadis daripada Mastika Hadis, e-Fatwa, e-Hadis, kemusykilan agama, Iqra', Portal Halal, aduan awam dan khutbah online.

Ruangan e-rujukan dan Iqra' menyediakan bahan rujukan dan model tentang penghayatan dan pelaksanaan Islam yang tulen dan sebenar. Ia dapat memperluaskan jangkauan bahan-bahan

penerbitan bercetak dan meningkatkan keberkesanan kos. E-Fatwa pula menjadi pusat rujukan dan perkhidmatan sehenti melalui maklumat dan perkhidmatan dalam talian yang disediakan.

Menerusi Portal Halal, pengguna boleh mendapat maklumat mengenai perkhidmatan permohonan online pensijilan halal Jakim, aduan halal dan semakan status halal. Pelbagai sumber informasi disediakan kepada pengguna seperti artikel dan jurnal halal, prosedur permohonan halal, garis panduan dan akta-akta yang berkaitan dengan halal.

“Kita selalu melihat dakwah hanya melalui ceramah sedangkan konsepnya luas sama ada melalui perbuatan, filem atau penulisan buku. Dengan perkembangan dunia teknologi maklumat, kita perlu lebih konsisten dalam mewujudkan laman web sendiri yang bersesuaian dengan kehendak agama,” ujar Kamarudin.

Usaha mendokumentasikan dakwah melalui digital memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah para ulama dan cendekiawan dalam bidang agama. Ia bukan melibatkan kerja-kerja teknikal semata-mata.

Persepsi yang perlu diubah ialah kerja-kerja membangunkan laman web bukan melibatkan tenaga kerja bahagian teknologi maklumat tetapi peranan daripada jabatan lain. Misalnya, Bahagian Pembangunan Sosial dan Pengurusan Masjid (Kesuma) perlu menyediakan bahan untuk khutbah online.

“Jakim mempunyai banyak bahagian dengan fungsi tertentu. Jadi, semua bahagian perlu memainkan peranan dan menyediakan bahan-bahan yang diperlukan terutama jika terdapat perubahan dari segi maklumat dan isi kandungannya. Setiap bahagian pula ada web master yang menjaga halaman web masing-masing,” jelas Kamarudin.

Bagi meningkatkan keberkesanan, web portal Jakim kini dalam proses terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris.

Sebelum Jakim mengambil keputusan membangunkan laman web, kebanyakan maklumat adalah berbentuk bahan bacaan bercetak. Secara tidak langsung, ia melibatkan kos penerbitan dan penghantaran yang tinggi.

Bagaimanapun, selepas laman web diwujudkan, ia telah mengurangkan kos di samping Jakim dapat menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan.

Usaha Jakim seterusnya ialah membangunkan Pusat Sumber Islam Digital yang lengkap berasaskan fahaman Ahlu Sunnah wal Jamaah dan berteraskan Mazhab Shafie.

Ia akan menjadi pusat rujukan dan penjana ilmu Islam selaras dengan perkembangan dan peredaran waktu. Pusat sumber ini juga diyakini boleh memulihara ilmu-ilmu dalam kitab-kitab

muktabar termasuklah para ulama nusantara silam dan mengembangkannya selaras dengan perkembangan zaman.

“Dengan adanya pengumpulan kitab-kitab terdahulu, banyak masalah akidah dapat diatasi, contohnya kes Black Metal. Selain itu, kita juga hendak menghimpunkan kitab-kitab tersebut secara digital sebelum ia hilang begitu sahaja,” katanya. Menurut Kamarudin, usaha membangunkan Pusat Sumber Islam Digital memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Pusat sumber itu juga akan dibangunkan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Fasa pertama akan bermula pada 2007 diikuti fasa seterusnya dua tahun kemudian. Kerja-kerja membangunkan dan memelihara kitab-kitab para ulama terdahulu adalah satu cabaran demi mengembangkan syiar Islam.

Menurutnya, teknologi digital jika dieksploitasi dapat membantu memperbaiki persepsi negatif terhadap dunia Islam.

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0314&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm&arc=hive

ARKIB : 06/04/2010

11 masjid sekitar Seremban dilengkapi teknologi komunikasi

REMBAU 5 April - Sebanyak 11 buah masjid di Seremban akan melalui proses modenisasi dengan dilengkapi kemudahan teknologi komunikasi untuk penyampaian maklumat lebih tepat dan menarik.

Ia adalah sebahagian transformasi dalam bidang keagamaan untuk menjadikan masjid sebagai pusat kecemerlangan agama Islam sekali gus mengikis senario masjid yang keliman tanpa aktiviti.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, langkah berkenaan juga selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk memantapkan fungsi serta peranan masjid sebagai pusat komuniti, bukan sekadar tempat mendirikan solat semata-mata.

"Sebagai permulaan, kita telah mengenal pasti 11 buah masjid di Seremban untuk dilengkapi peralatan multimedia bagi menjalankan aktiviti seperti menyampaikan khutbah, ceramah, kelas agama dan sebagainya secara interaktif.

"Usaha ini diyakini dapat memberikan penampilan baru terhadap institusi masjid agar ia tidak ketinggalan dalam dunia serba moden ini," katanya.

Mohamad berkata demikian ketika berucap melancarkan Khutbah Kesihatan Berbentuk Multimedia di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi dekat sini hari ini.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Razak Mansor; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan; Pengarah Kesihatan negeri, Datin Dr. Zailan Adnan dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Ismail Taib.

Jelas Mohamad, kemudahan itu akan turut diselaraskan ke seluruh masjid di negeri ini dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

"Kita akan melengkapkan kemudahan ini secara beransur-ansur kerana ia memerlukan kos yang besar selain kita ingin melihat keberkesannya terlebih dahulu.

"Melalui 11 masjid ini, kita akan dapat mengkaji keberkesanan pelaksanaan teknologi ini selain membantu kita memperbaiki jika terdapat kekurangan," jelasnya.

Pada sidang akhbar selepas itu Mohamad memberitahu, pihaknya juga kini sedang mengkaji cadangan membuka 'klinik wakaf' di setiap masjid daerah khusus bagi memberikan rawatan perubatan percuma kepada masyarakat setempat.

"Pada masa akan datang, kita mungkin akan mewujudkan kemudahan klinik di setiap masjid daerah bagi memberikan rawatan kepada orang ramai.

"Ini (bermula) selepas pelajar dari negeri ini yang mengambil bidang perubatan pulang dari Mesir. Mungkin mereka akan ditempatkan di klinik berkenaan bagi menguruskannya," jelasnya.

Tambahnya, bagi memperluaskan lagi peranan masjid, kerajaan negeri juga menggalakkan pembukaan gelanggang futsal dan sepak takraw di dalam kawasan masjid.

"Langkah ini sedikit sebanyak akan membuatkan golongan belia khususnya mendekatkan diri dengan masjid," katanya.

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0406&pub=utusan_malaysia&sec=Sela tan&pg=ws_04.htm&arc=hive

Khutbah Multimedia

Minggu lalu saya berkesempatan menunaikan solat Jumaat di Masjid Ibnu Khaldun, Pekan Sg Besi kerana ada urusan di Maybank jalan Klang Lama. Ini merupakan kali pertama saya bersolat jumaat di masjid tersebut. Suatu ketika dulu saya pernah menunaikan solat fardhu maghrib selepas menaiki tren LRT yang terletak bersebelahan dengan masjid.

Dari luar kelihatan masjid tersebut agak lama dan tidak sehebat mana namun rupanya ada sesuatu yang istimewa di dalamnya. Secara tidak sengaja saya telah memasuki masjid melalui pintu kiri (tempat solat wanita yang dibuka untuk jemaah lelaki pada hari jumaat). Alhamdulillah dengan melalui pintu tersebut saya berjaya duduk di antara saf-saf hadapan. Ada sesuatu yang membuatkan saya terkasima..ianya adalah sebuah layar yang telah tersedia untuk khutbah multimedia yang mana tajuknya sudah tertera iaitu 'Hiburan Melampau Melemahkan Ummah'.

Selain itu tulisan bergerak (running light) juga dipaparkan di bahagian atas mimbar yang memaparkan jadual waktu solat, jadual dan nama penceramah serta lain-lain aktiviti masjid yang berkaitan. Nama Khatib, bilal dan petugas multimedia juga ada dipaparkan.

Apabila khatib mula menyampaikan khutbah maka khutbah multimedia mula dipaparkan menggunakan perisian powerpoint dengan berbagai paparan yang ringkas dan menarik. Rasanya inilah kali pertama saya melihat khutbah multimedia yang selama ini pernah diuar-uarkan di negeri Trengganu Bistari.

Tahniah saya ucapkan kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Masjid Ibnu Khaldun yang pro aktif kearah menjadikan masjid sebagai sebuah institusi yang berdaya maju dan menggunakan teknologi ICT dalam penyampaian khutbah.

Masjid-masjid lain yang lebih besar dan cantik seperti Masjid Hasanah Bandar Baru Bangi sewajarnya mencontohi masjid Ibnu Khaldun yang kerdil tetapi 'up to date' dalam pengurusan dan penyampaian maklumat kepada para jemaah.

ARKIB : 25/05/2001

Peranan khatib sampai khutbah berciri intelektual

Judul buku: *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*

Penulis: Zulkiple Abd. Ghani

Penerbit: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Tahun: 2001

Halaman: 128

SUDAH acapkali diingatkan kepada umat Islam tentang cabaran teknologi maklumat (IT) terhadap mereka khususnya dalam bidang dakwah.

Buku ini juga turut mengupas tentang soal umat Islam berdepan dengan alat-alat komunikasi moden.

Tetapi terdapat satu bab yang penting, bukan mengenai alat-alat moden tetapi ia patut diutamakan dalam perbincangan mengenai komunikasi di kalangan umat Islam.

Bab itu bertajuk `Khutbah: Medium Komunikasi pembangun Masyarakat'.

Sememangnya umat Islam patut berbincang tentang multimedia dan IT kerana jika tidak diendahkan, maka akan berlaku ketinggalan daripada kemajuan.

Tetapi persoalan yang boleh dilontarkan, adakah umat Islam, khususnya di negara ini berpuas hati dengan khutbah-khutbah yang setiap minggu terpaksa didengari?

Di samping kelemahan dalam soal penyampaian dan pendekatan, isu yang dikupas umumnya merupakan perkara basi yang berulang kali dikemukakan hingga hanya menimbulkan kebosanan di kalangan jemaah.

Sedangkan seharusnya sehabis solat Jumaat, ahli jemaah bangkit dengan semangat baru untuk menjalani satu minggu kehidupan lagi dengan semangat tinggi berbekalkan amanat khatib.

Tetapi umumnya perkara itu tidak berlaku. Dengan cuaca panas dan kesesakan dalam masjid, sukar wujudnya semangat yang dapat diterapkan oleh khatib apabila isu yang disampaikan adalah perkara-perkara yang tidak menggugah minda.

Maka dalam membincangkan soal komunikasi di kalangan umat Islam, keutamaan harus diberikan kepada soal khutbah.

Tetapi hakikatnya, khutbah bermutu hanya dapat datang daripada khatib berkaliber.

Maka dalam hal ini, dapat dilihat bagaimana khatib menjadi satu institusi intelektual yang penting di kalangan umat Islam. Malah lebih penting daripada imam masjid.

Dalam hal ini, tidak semestinya imam dan khatib terdiri daripada orang yang sama. - **ZIN MAHMUD**

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0525&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_04.htm&arc=hive

TM lancar program e-Masjid

Oleh: KAMARUDIN HAMZAH

BESUT 1 Mac – Telekom Malaysia (TM) Terengganu melancarkan program komuniti e-Masjid yang bertujuan meningkatkan peranan masjid sebagai salah satu cabang mendapatkan maklumat berkaitan multimedia.

Pengurus Besar TM Terengganu, Azhar Omar berkata, Masjid Kampung Gong Mak Som dipilih sebagai perintis program tersebut yang menerima sumbangan peralatan multimedia.

Antaranya ialah komputer riba, projektor LCD, skrin, pencetak, talian tetap Telekom dan Internet jalur lebar (Streamyx) serta program al-Quran Multimedia yang kesemuanya bernilai kira-kira RM40,000.

Menurutnya, sewa talian dan Internet jalur lebar serta program al-Quran multimedia akan diberikan secara percuma oleh TM dalam tempoh setahun.

“Dengan adanya kemudahan ini, ahli jawatankuasa masjid berkenaan akan dapat berhubung dan berkongsi maklumat dengan mudah termasuk memuat turun kandungan khutbah Jumaat dan sebagainya,” katanya selepas pelancaran program tersebut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh di sini semalam.

Turut hadir Pegawai Daerah Besut, Wan Mohamad Wan Ibrahim dan Yang Dipertua Majlis Daerah Besut (MDB), Wan Harujan Wan Sulaiman.

Menurutnya, pelaksanaan program itu bagi memenuhi tanggungjawab sosial syarikat berkenaan dengan program kedua akan diadakan di Masjid Kampung Pulau Panjang di Jerneh minggu depan sebelum diperluaskan ke semua masjid di negeri ini.

“Kita berharap semua masjid di Terengganu dilengkapi kemudahan telekomunikasi dan multimedia terkini serta pembelajaran al-Quran secara online dalam tempoh terdekat ini,” ujarnya.

Azhar berkata, melalui fasa kedua program itu nanti, TM bercadang menyediakan latihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada ahli jawatankuasa masjid bagi memberi pendedahan mengenai penggunaan komputer, Internet dan aplikasi multimedia.

Jelasnya, ini bertujuan memudahkan pengendalian peralatan dan seterusnya mengaplikasikan kemudahan yang disediakan untuk kemudahan pengurusan masjid serta keperluan ahli kariah.

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0302&pub=utusan_malaysia&sec=Timur&pg=wt_01.htm&arc=hive

KHUTBAH JUMAAT SALURAN HIDAYAH, TARBIAH

(Berita Minggu: 1hb Jun, 1997)

Oleh: MEJAR BURHANUDDIN ABDUL JALAL

Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat)

Khutbah Jumaat adalah saluran hidayah dan tarbiah Islam yang mengandungi mesej dakwah yang dipilih dan disusun bagi memberi maklumat pengajaran, peringatan, motivasi, inspirasi serta ilham kepada jemaah.

Mesej dalam khutbah Jumaat berfungsi dalam proses meningkatkan kualiti individu serta menjadi panduan hidup insan di dunia dan di akhirat.

Menurut Datin Noraini MdYaman dalam kertas kerjayanya “Golongan Sasaran Khutbah” yang disampaikan dalam Seminar Pemantapan Khutbah di Kuala Lumpur, baru-baru ini, ada beberapa golongan yang menghadiri solat Jumaat, iaitu golongan dewasa, remaja, kanak-kanak dan wanita.

Dalam pemerhatian kita, sebagai sidang Jumaat, mereka yang datang ke masjid mempunyai pelbagai keadaan dan tahap kesediaan mental, fizikal, emosi dan rohani yang berbeza untuk mendengar khutbah.

Antara faktor yang menyebabkan ahli Jumaat tidak mendengar khutbah adalah disebabkan ciri-ciri berikut:

- a. Fizikal- letih, lapar, mengantuk, kurang selesa, duduk bersila dalam keadaan masjid yang sesak dan sistem pembesar suara yang tidak jelas.
- b. Mental- Keadaan fikiran (tenang atau kusut), keupayaan memahami bahasan dan istilah yang digunakan, tumpuan terganggu oleh pelbagai perkara seperti masalah di tempat kerja, rumah atau persekitaran masjid.
- c. Emosi- Keadaan perasaan yang tertekan, konflik jiwa dan rasa yang tercabar atau diperkecil-kecilkan.
- d. Rohani- Falsafah dan nilai hidup yang berkait dengan tuntutan dan kehendak Islam.

Dalam usaha untuk menjadikan khutbah sebagai nadi pembangunan ummah dan dapat mencapai matlamat itu, selain peningkatan daripada segi kandungan khutbah, perkara lain juga harus diberi perhatian, seperti khatib dan prasarana yang baik.

Namun satu aspek penting ialah mendidik ahli jemaah supaya menjadi pendengar yang baik. Bagaimana untuk menjadi pendengar yang baik?

Dalam teori komunikasi, ada dua jenis pendengar dalam kehidupan kita seharian. Dalam aspek mendengar khutbah Jumaat, kita juga ada pendengar yang aktif dan pasif atau perbezaan yang ketara di antara *listening* dan *hearing*.

Dalam konteks ini, sebahagian besar jemaah menjadi pendengar yang pasif (*hearing*) dan sebahagian kecil sahaja yang menjadi pendengar aktif (*listening*).

Menurut Hisham al-Talib (1992), pendengaran adalah satu hubungan dua hala. Orang yang bercakap perlu patuh peraturan dan asas mengenai kefahaman untuk membantu pemahaman pendengar mengenai apa yang diperkatakan.

Pendengar pula perlu mengamati beberapa garis panduan untuk membantunya menghayati mesej yang disampaikan.

Kebanyakan kita mempunyai kemahiran untuk bercakap dengan baik tetapi berapa ramai antara kita mempunyai kemahiran mendengar yang baik?

Dalam suasana khutbah Jumaat disampaikan, iaitu dalam keadaan panas, sesak, letih dan mengantuk tentunya kemahiran ini penting bagi memastikan kita dapat menghayati khutbah yang

akan disampaikan. Antara ciri-ciri yang boleh dilakukan untuk menjadi pendengar yang baik ialah:

- Mendengar dengan penuh minat
- Jangan biarkan fikiran melayang ke tempat lain
- Fokus dan beri tumpuan terhadap apa yang disampaikan
- Menahan diri daripada terpengaruh oleh gangguan lain
- Berfikiran terbuka
- Duduk ditempat yang selesa
- Mendengar dan catat perkara penting dalam khutbah

Selain itu, menurut seorang pakar motivasi Dr. Fadilah Kamsah (1996), terdapat 11 kepentingan untuk menjadi seorang pendengar yang baik, iaitu untuk belajar sesuatu, memahami keadaan, mendapatkan maklumat, mengelakkan salah faham, membuat perbandingan, menunjukkan kita mengambil berat, menghargai masa atau menfaat kehadiran, menghormati pengucap, melatih diri menjadi pendengar yang baik, meninggikan tahap kesabaran dan menyumbangkan sesuatu.

Berdasarkan nas al-Quran dan hadis, tentunya kaum muslimin yang bersolat Jumaat diperingatkan agar tidak mensia-siakan kehadiran mereka pada hari itu dengan menghayati khutbah.

Dalam beberapa waktu terdekat ini, pihak pengurusan masjid atau majlis agama Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berusaha mempertingkatkan mutu khutbah dari segi isi, tema, kandungan, tempoh masa, penyampaian, teknik, retorik dan prasarana masjid bagi membolehkan khutbah disampaikan secara berkesan.

Namun aspek ini tidak berjaya jika jemaah tidak turut membangunkan diri dan bersedia untuk menjadikan khutbah sebagai satu wadah yang dapat dimanfaatkan untuk merangsang minda mengenal pasti pelbagai isu dan cabaran semasa. Jika perkara ini dapat dilakukan, khutbah ini sudah tentu menjadi satu institusi yang kuat kepada umat Islam. Bayangkan jika satu saranan yang baik disampaikan oleh khatib, didengar dan dihayati selepas itu dilaksanakan. Ternyata ini adalah sesuatu yang menakjubkan.

Dalam kajiannya di Pahang mengenai membuadayakan kecemerlangan dalam penyampaian khutbah, Fadilah Kamsah (1996) menyatakan khutbah berpotensi besar untuk bertindak sebagai media pembangunan yang amat berkesan.

Ini terbukti kerana khutbah yang cemerlang dapat memberikan matlamat berikut:

- Memberitahu atau mengajar orang yang jahat
- Mengingatkan orang yang lupa dan menyedarkan orang yang lalai
- Mengejutkan orang yang lena
- Meredakan jiwa yang angkuh
- Mengalakkan makruf
- Merangsang semangat untuk berkorban dan berjihad
- Mengukuhkan ketakwaan orang yang mendengar.

Justeru, semoga matlamat khutbah yang dicapai dan kita sebagai mendengar tidak dikategorikan seperti mencurah air di daun keladi.